



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN PENGGUNAAN KAD LAPORAN HARIAN DAN MEMO PERINGATAN TERHADAP MURID-MURID LEMAH DALAM SUBJEK BAHASA MELAYU



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

BUSYRA BINTI SADAN



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN PENGGUNAAN KAD LAPORAN HARIAN, DAN MEMO PERINGATAN
TERHADAP MURID-MURID LEMAH DALAM SUBJEK BAHASA MELAYU

BUSYRA BINTI SADAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PSIKOLOGI PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN & KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada(hari bulan)..... (bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, _____ (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk _____

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, _____ (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah _____ (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia





INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: _____

No. Matrik / Matric's No.: _____

Saya / I : _____

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah dan izin-Nya, saya dapat menyiapkan laporan disertasi ini bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan) dalam tempoh masa yang ditetapkan. Saya juga sangat bersyukur ke hadrat Ilahi kerana memberikan kekuatan dan kesihatan yang baik dalam saya menyiapkan laporan ini. Segala permasalahan yang timbul semasa melaksanakan penyelidikan ini menjadikan saya kuat dan bersabar dengan dugaan yang datang demi sebuah kejayaan.

Setinggi- tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Prof. Rahmatullah Khan b. Abdul Wahab Khan selaku penyelia utama dan juga Dr. Md. Azman Shahadan selaku penyelia bersama dalam mendidik, membimbing serta memberikan tunjuk ajar yang sangat berguna kepada saya sepanjang penyelidikan ini dilaksanakan. Kedua-dua penyelia ini sering memberikan kata-kata semangat kepada saya terutamanya dalam proses penulisan laporan disertasi ini. Seterusnya, ucapan terima kasih ini juga dirakamkan untuk Guru Besar Sek. Keb. Bukit Beruntung 2, Pn. Hajah Nor Shakila bt. Kamaludin yang memberikan kebenaran dan keizinan kepada saya bagi melaksanakan penyelidikan ini di sekolah tempat saya bertugas. Selain itu, ucapan terima kasih ini juga diucapkan kepada kedua ibu bapa saya iaitu Tn. Haji Sadan b. Jusoh dan Pn. Rognan bt. Tayib serta adik-beradik sekalian yang memberikan semangat dan dorongan kepada saya untuk menyaipkan penyelidikan ini dan seterusnya berjaya menggendam segulung ijazah.

Tidak dilupakan buat suami tercinta En. Muhammad Fahmi b. Omar dan anak-anak tersayang (Muhammad Adam Naufal, Muhammad Adib Wazif dan Muhammad Aiman Hariz) yang sangat memahami dan memberikan semangat serta dorongan kepada saya dalam usaha menyiapkan penyelidikan dan laporan disertasi ini. Buat rakan seperjuangan dan teman-teman rapat terima kasih di atas segala pertolongan, dorongan, dan sokongan moral kalian yang tidak berbelah bahagi.

Sekian terima kasih, Wassalam





ABSTRAK

Kerja rumah adalah salah satu komponen dalam pembelajaran dan diberikan kepada murid untuk membantu dalam peningkatan akademik. Tujuan kajian adalah untuk melihat kesan penggunaan kad laporan harian dan memo peringatan terhadap murid lemah dalam pelaksanaan kerja rumah. Pendekatan eksperimental dengan reka bentuk *4x2 Factorial Pre-Post Design* digunakan dan melibatkan 80 orang murid lemah di Sek. Keb. Bukit Beruntung 2. Sampel kajian diagihkan kepada empat kumpulan iaitu kumpulan kawalan, kumpulan eksperimen 1 (kad laporan harian), kumpulan eksperimen 2 (memo peringatan) dan kumpulan eksperimen 3 (kad laporan dan memo peringatan) dan sampel setiap kumpulan adalah 20 orang murid. Kad laporan harian, memo peringatan dan latihan digunakan sebagai bahan dalam kajian ini. Kerja rumah diberikan kepada sampel kajian sebanyak tiga kali seminggu dan kajian ini mengambil masa enam minggu untuk penyelidikan mengumpulkan data. Dapatan analisis diskriptif menunjukkan kumpulan eksperimen 3 mencatatkan nilai sisihan piawai tertinggi iaitu 2.41 berbanding kumpulan lain. Namun ujian Anova Satu Hala adalah tidak signifikan di antara empat kumpulan kajian iaitu dengan nilai $F(3,76) = .701$, $p > .05$. Kesimpulan daripada kajian mendapati penggunaan kad laporan harian dan memo peringatan tidak meninggalkan kesan dalam pemberian kerja rumah kepada murid. Implikasi daripada kajian ini menunjukkan tiada perubahan terhadap murid lemah dengan menggunakan kad laporan harian dan memo peringatan bagi kerja rumah yang diberikan.





THE EFFECTS OF THE USAGE OF THE DAILY REPORT CARD AND REMINDER MEMOS ON STUDENTS WHO ARE WEAK IN BAHASA MELAYU

ABSTRACT

Homework is one of the learning components given to students to assist them to improve their academic achievement. The aim of this study was to identify the effects of the usage of the daily report card and reminder memos on students who were weak in their homework implementation. The experimental approach with the *4x2 Factorial Pre-Post Design* was utilized and the study involved 80 weak students at Sek. Keb. Bukit Beruntung 2. The study sample was divided into 4 groups which were the control group, the experimental group 1(daily report card), the experimental group 2 (reminder memos) and the experimental group 3 (report card and reminder memos). Each sample consisted of 20 students. The daily report card, reminder memos and exercises were utilized as materials in this study. Homework is given three times a week to the sample study and it took six weeks to collect the data. The descriptive analysis findings indicated that for the experimental group 3, the standard deviation value was the highest at 2.41 compared to other groups. However, the One-Way Anova test showed no significant difference between the 4 groups with the F value $(3,76) = .701, p > .05$. The conclusion from the study findings was that the daily report card and the reminder memos were not effective on the homework given to the students. The study implications showed that there was no difference in the students' achievement after using daily report cards and reminders for homework.



ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	ix
SENARAI LAMPIRAN	x

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Pernyataan Masalah	13
1.4 Kerangka Konseptual Kajian	19
1.5 Tujuan Kajian	20
1.6 Objektif Kajian	22
1.7 Soalan Kajian	22
1.8 Kepentingan Kajian	23
1.8.1 Guru Bahasa Melayu	24
1.8.2 Pihak Sekolah	25
1.8.3 Penyelidik atau Pengkaji	26

1.8.4	Kementerian Pendidikan Malaysia	27
1.9	Batasan Kajian	27
1.10	Hipotesis Kajian	30
1.11	Definisi Operasional	30
1.11.1	Kad Laporan Harian	31
1.11.2	Memo Peringatan	31
1.11.3	Kerja Rumah	32
1.11.4	Murid - Murid Lemah	32
1.11.5	Bahasa Melayu	33
1.12	Kesimpulan	33

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	35
2.2	Kerangka Teori	38
2.2.1	Teori Tingkah Laku Pelaziman Operan	39
2.2.2	Teori Kognitif Piaget	47
2.3	Kajian Dalam Negara	55
2.4	Kajian Luar Negara	61
2.5	Kesimpulan	65

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Reka Bentuk Kajian	67
3.2	Sampel Kajian	72

3.3	Profil Sampel Kajian	74
3.4	Lokasi Kajian	76
3.5	Kajian Rintis	78
3.6	Task Kajian	82
3.6.1	Kad Laporan Harian Kerja Rumah	82
3.6.2	Memo Peringatan	82
3.6.3	Lembaran Kerja Rumah	84
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	85
3.7.1	Intervensi	89
3.8	Penganalisaan Data	90
3.9	Kesimpulan	91

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Analisis Deskriptif	92
4.2	Kesan Penggunaan Kad Laporan Harian Kerja Rumah Bahasa Melayu Bagi Empat Kumpulan Kajian	93
4.3	Kesan Memo Peringatan Ke atas Kerja Rumah Bahasa Melayu Bagi Empat Kumpulan Kajian	102
4.4	Perbezaan Kesan Kad Laporan Harian Kerja Rumah dan Memo Peringatan Terhadap Kerja Rumah Bahasa Melayu	106
4.4.1	Membandingkan Di Antara Kad Laporan Dan Memo Peringatan Bagi Kerja Rumah Bahasa Melayu	106
4.5	Kesimpulan	110

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Perbincangan	111
5.1.1	Kesan Penggunaan Kad Laporan Harian Kerja Rumah Bahasa Melayu Bagi Empat Kumpulan Kajian	111
5.1.2	Kesan Memo Peringatan Ke atas Kerja Rumah Bahasa Melayu Bagi Empat Kumpulan Kajian	116
5.1.3	Perbezaan Kesan Kad Laporan Harian Kerja Rumah Dan Memo Peringatan Terhadap Kerja Rumah Bahasa Melayu	120
5.2	Implikasi Kajian	124
5.3	Cadangan	128
5.4	Kesimpulan	131

RUJUKAN

LAMPIRAN



SENARAI JADUAL

No. Jadual

Muka Surat

1.1	Perbandingan Kompetensi Murid	12
2.1	Empat Tahap Perkembangan Kognitif Piaget	54
3.1	Taburan Kekerapan dan Peratusan Jantina Sampel	75
3.2	Enrolmen Murid Tahun Dua Mengikut Kelas	78
4.1	Perbandingan Skor Min dan Sisihan Piawai Ujian Pra dan Ujian Post bagi Empat Kumpulan Kajian	101
4.2	Skor Post-Pra bagi Empat Kumpulan Kajian	107
4.3	Keputusan Ujian ANOVA Satu Hala bagi Empat Kumpulan Kajian	108
4.4	Ringkasan Skor Ujian Pra-Post bagi Empat Kumpulan Kajian	109





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Kerangka Konseptual Kajian	19
2.1	Jadual Peneguhan Skinner	46
3.1	Kajian Eksperimental – <i>4x2 Factorial Pre-Post Design</i>	69
3.2	Reka Bentuk Perbandingan Relatif antara Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Eksperimen	71
4.1	Perbandingan Ujian Pra-Post bagi Empat Kumpulan Kajian	97
4.2	Box Plot bagi Empat Kumpulan Kajian	105





SENARAI SINGKATAN

ADHD	Attention Deficit Hyperactivity Disorder
ANOVA	Anailysis Of Variance
INTAN	Institut Tadbir Awam Negara
KBSR	Kurikulum Bersatu Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KSSR	Kurikulum Semakan Sekolah Rendah
MBMMBI	Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuhkan Bahasa Inggeris
NCEE	National Center on Education and the Economy
PAK21	Pembelajaran Abad Ke-21
PdPC	Pengajaran dan Pemudahcaarn
SSE	Status Sosio Ekonomi





SENARAI LAMPIRAN

A	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	139
B	Kad Laporan Kerja Rumah Harian	140
C	Lembaran Kerja Rumah	142
D	Memo Peringatan	143
E	Lembaran Kerja Rumah Yang Dicop Untuk Semakan Ibu Bapa	144
F	Surat Makluman Untuk Ibu Bapa	145
G	Surat Persetujuan Ibu Bapa	146





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dan pada waktu itu Bahasa Melayu telah dimartabatkan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar seperti mana yang diwartakan dalam Perlembagaan Persekutuan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa yang menjadi lambang perpaduan rakyat dan wasilah pembangunan negara.





Perkembangan kurikulum Bahasa Melayu khasnya untuk sekolah rendah bermula daripada tahun 1983 dengan Kurikulum Baru Sekolah Rendah. Kemudian pada tahun 1993 telah diperkenalkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). Setelah itu, pada tahun 2003 diteruskan lagi dengan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (Semakan). Setelah perlaksanaan KBSR (Semakan) dilaksanakan dan arus pendidikan terus berkembang pesat berlaku lagi perubahan dalam kurikulum pendidikan khasnya Bahasa Melayu iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). KSSR juga telah disemak semula pada tahun 2017 dan dikenali dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Setelah beberapa perubahan yang berlaku dalam dunia pendidikan khasnya untuk Bahasa Melayu telah memberikan impak kepada murid dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (pdpc) murid.

Matlamat kurikulum Bahasa Melayu adalah untuk membolehkan murid berketerampilan dalam berbahasa, berkomunikasi dan bagi memenuhi keperluan diri, memperoleh pengetahuan, ilmu, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan (KPM, 2017). Ishak Ramli (2003), berpendapat empat objektif yang perlu dicapai oleh murid dalam bagi mengikuti pembelajaran Bahasa Melayu standard di sekolah rendah iaitu:





- (i) Bertutur, berbual serta menyatakan permintaan tentang sesuatu perkara dalam situasi formal dan tidak formal dengan betul secara bertatasusila.
- (ii) Bercerita sesuatu perkara dan menceritakan semula perkara yang didengar menggunakan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul.
- (iii) Berbicara untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara daripada sumber dengan tepat secara bertatasusila.
- (iv) Berbincang dan mengemukakan pendapat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dengan tepat secara bertatasusila.

Lazimnya murid lemah ini dikaitkan dengan murid yang mempunyai masalah dalam pembelajaran. Menurut Manisah dan Norizza (2016), murid yang mempunyai masalah dalam pembelajaran adalah murid yang punyai risiko dalam aspek penyimpanan dan pemahaman maklumat berikutan keupayaan dalam memberi tumpuan adalah lemah. Sementara itu, Zalizan (2009) berpendapat murid yang punyai masalah pembelajaran ini merujuk kepada murid yang punyai masalah dalam pembelajaran khususnya dari aspek membaca, menulis dan mengira. Murid ini juga dikatakan bermasalah dalam menerima arahan, mempelajari kemahiran dan lemah dalam memberikan tumpuan. Oleh itu, murid lemah ini memerlukan tumpuan yang lebih daripada guru di sekolah dan ibu bapa di rumah.





Kerja rumah adalah tugas yang menentukan tahap peningkatan kerja rumah seseorang murid. Laporan-laporan berkaitan kecemerlangan akademik pelajar menyarankan agar guru-guru menambahkan amaun kerja rumah (*homework*) kepada pelajar-pelajar mereka dan menuntut agar disiapkan (Mohammed Sani, Saedah dan Norlidah, 2014). Kerja rumah merupakan salah satu cara belajar yang penting kepada pelajar bagi meningkatkan prestasi dan motivasi belajar. Melalui pelaksanaan kerja rumah juga guru mendapat maklum balas terhadap kerja-kerja pelajar seterusnya melibatkan penambahbaikan dan bimbingan dalam mencapai sesuatu matlamat. Menurut Skinner (1984), guru perlu membuat pemeriksaan terhadap hasil kerja rumah pelajar termasuklah merekodkan pencapaian pelajar dalam tugas yang diberikan.



Perlaksanaan kerja rumah adalah bergantung kepada polisi dan amalan sesebuah sekolah. Lazimnya sekolah akan mempunyai satu senarai objektif yang tidak disebut secara eskplisit tentang kerja rumah. Kajian North dan Pillay (2002) terhadap 85 orang guru Bahasa Inggeris sekolah menengah di Malaysia menunjukkan majoriti guru bersetuju bahawa kerja rumah sangat penting bagi menyediakan latihan kepada murid dan memberikan maklumat diagnostik kepada guru. Kerja rumah adalah satu cara belajar yang penting kepada murid untuk meningkatkan prestasi dan motivasi belajar.





Kerjasama antara sekolah dan rumah adalah sangat ditekankan dalam pembentukan semula pendidikan terkini di Asia Pasifik. Konsep dan amalan kerjasama antara sekolah dan rumah adalah berbeza dengan konteks budaya (Pang et al. 2003). Keterlibatan ibu bapa dan sekolah sering kali diakui amat penting di Negara Barat dan beberapa bahagian Asia Pasifik telah memberikan perhatian secara beransur-ansur dan menunjukkan perkembangan yang pantas dalam hampir setiap aspek pada masa kini (Cheng, 2003). Menurut Mohammed Sani et al. (2014) ibu bapa dikatakan mempunyai tanggungjawab yang besar dalam membantu anak-anak mereka untuk pembangunan diri dan pembelajaran.



1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini membincangkan tentang penggunaan kad laporan harian kerja rumah dan memo peringatan serta penglibatan ibu bapa murid-murid lemah ke atas kerja rumah Bahasa Melayu yang diberikan guru. Kad laporan dilihat memberikan peluang kepada ibu bapa bagi memotivasikan dan seterusnya memantau prestasi sekolah anak-anak secara teratur. Melalui pengaplikasian kad laporan harian secara tidak langsung membolehkan ibu bapa memberikan ganjaran yang baik serta mendisiplinkan prestasi





buruk anak mereka. Kad laporan harian ini juga berperanan untuk menentukan terdapat kemajuan atau tidak dalam pendidikan anak-anak khususnya terhadap kerja rumah yang dibekalkan.

Kebiasaanya guru memberikan latihan atau kerja rumah kepada murid dan murid mencatatkan di dalam buku catatan. Tetapi, di dalam kajian ini penyelidik cuba untuk mempraktikkan penggunaan kad laporan harian dan juga memo peringatan dalam pelaksanaan kerja rumah kepada murid. Penggunaan kad laporan ini akan diaplikasikan kepada murid lemah akan tetapi secara tidak langsung ibu bapa turut terlibat dalam kajian ini melalui pemantauan di rumah berdasarkan kawalan kad laporan dan memo peringatan.

Menurut Frafjord-Jacobson et al. (2013), banyak kajian yang mencari keberkesanan kaedah kad laporan harian di dalam bilik darjah bagi meningkatkan tingkah laku kelas dan kerja akademik. Contohnya, bagi Kelly dan Carper, 1988 berpendapat kad laporan harian boleh menjadi pautan yang jelas di antara ibu bapa dan murid di mana mereka akan mendapat maklumat berkaitan persekolahan anak-anak melalui kad laporan tersebut. Kad laporan harian dikatakan berjaya dilaksanakan serta digunakan kepada pelajar bagi semua peringkat umur.





Kad laporan harian pernah dipraktikkan kepada murid-murid bermasalah dalam pembelajaran iaitu *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD). Merujuk kepada *Diagnostic and Statistic Manual IV* (America Psychiatric Association, 2005) ADHD adalah gangguan yang dicirikan oleh ketidakhadiran keupayaan anak untuk menumpukan perhatiannya pada sesuatu yang dihadapi supaya tempoh masa perhatian yang dimiliki sangat pendek berbanding dengan anak-anak lain yang sebaya. Gangguan perilaku ini biasanya disertai oleh hiperaktif dan tingkah laku impulsif. Murid yang mengalami masalah ADHD adalah golongan murid yang tidak terlibat dalam kajian ini, sebaliknya penggunaan kad laporan yang diaplikasikan kepada murid ADHD ini telah diubah suai mengikut keperluan murid lemah. Dalam kajian ini, penyelidik ingin menguji penggunaan kad laporan harian terhadap murid lemah. Oleh itu, penyelidik mengambil peluang untuk menguji penggunaan kad laporan ini kepada murid-murid lemah dengan melakukan beberapa pengubahsuaian mengikut tahap murid lemah.

Fungsi asal kad laporan harian adalah untuk mencatat maklumat berkaitan aktiviti harian atau menyatakan tentang kelakuan anak tersebut tetapi dalam konteks kajian ini kad laporan harian kerja rumah telah diubah suai bersesuaian dengan penggunaan kepada murid yang lemah dalam pelajaran Bahasa Melayu khususnya. Di





dalam kajian ini kad laporan harian diaplikasikan untuk mencatat maklumat berkaitan kerja rumah yang perlu disiapkan di rumah dengan pantauan ibu bapa dan ibu bapa atau penjaga perlu turunkan tanda tangan setelah menyemak hasil kerja murid.

Memo peringatan juga turut diaplikasikan di dalam kajian ini di samping kad laporan harian kerja rumah sebagai salah satu rawatan yang dilaksanakan. Merujuk kepada Institut Tadbir Awam Negara (INTAN), memo adalah singkatan perkataan “memorandum” yang bermaksud catatan atau peringatan. Memo berperanan seperti surat dan lazimnya digunakan oleh ketua jabatan sendiri. Contohnya memo dikeluarkan untuk panggilan mesyuarat. Memo boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu memo bentuk borang dan memo bentuk terbuka. Dalam konteks kajian ini penggunaan memo bentuk terbuka diaplikasikan kerana ianya lebih mudah untuk dibentuk mengikut keperluan.

Sebelum perlaksanaan kajian ini, penyelidik terlebih dahulu menjalankan kajian rintis terhadap 10 orang sampel yang terdiri daripada sampel sebenar. Di dalam kajian rintis, penyelidik ingin menguji adakah variabel bebas memberikan kesan terhadap kajian rintis. Variabel bebas tersebut adalah memo peringatan, aplikasi telefon pintar *whatsApp* dan kad laporan harian kepada ibu bapa 10 orang sampel yang diuji.





Perkembangan teknologi secara tidak langsung mendorong penyelidik untuk memilih aplikasi telefon pintas *whatsApp* untuk dijadikan variabel bebas yang membantu dalam penyelidikan. Menurut A Sukrillah et al. (2017) aplikasi telefon pintar *WhatsApp* menjadi aplikasi yang kedua paling diminati di dalam masyarakat Indonesia. Hal ini tidak terkecuali juga bagi masyarakat di Malaysia juga. Rata-rata seluruh dunia menggunakan teknologi tanpa sempadan untuk berkomunikasi dan ianya amat mudah. Bertitik tolak daripada perkembangan teknologi yang mendorong penyelidik untuk mengaplikasikan *whatsApp* dalam kajian ini. Setelah melaksanakan kajian rintis dilakukan, hasil dapatan tunjukkan sampel kajian yang terlibat iaitu ibu bapa murid tidak meminati aplikasi telefon pintar *whatsApp* ini diwujudkan untuk tujuan pendidikan anak-anak mereka. Ibu bapa ini beranggapan ianya mengganggu kehidupan peribadi mereka.

Bagi Mohamad Johdi Salleh et al. (2009), menyatakan status sosio ekonomi (SSE) sesebuah keluarga dari aspek pendapatan, pekerjaan ibu bapa mempengaruhi murid-murid dalam pembelajaran mereka. Biasanya murid daripada latar belakang SSE yang lemah ini tidak dipedulikan atau dihiraukan berkaitan pelajaran. Kedudukan SSE yang lemah mempengaruhi fizikal, sosial dan iklim dalam dunia kanak-kanak dibesarkan.





Di sekolah rendah, pembelajaran Bahasa Melayu adalah berfokus kepada kemahiran literasi dan aplikasi bahasa. Bagi murid tahap 1, murid perlu kuasai kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Ini menunjukkan konsep kembali kepada asas atau *back to basic* sangat diberikan penekanan yang khusus (Chew, 2016). Sementara untuk tahap 2 pula, pembelajaran yang menyeronokkan berkonsepkan didik hibur diterapkan. Bagi tahap 2, penekanan lebih diberikan kepada pengukuhan dan aplikasi kemahiran berbahasa.

Statistik menunjukkan murid-murid lemah ini punyai keputusan yang merosot bagi mata pelajaran Bahasa Melayu khususnya. Kajian impak MBMMBI 2015-2016 telah dilakukan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kajian dilaksanakan untuk menilai tahap kompetensi murid sekolah rendah dan sekolah menengah dalam Bahasa Melayu dengan bacaan skala cemerlang (90% hingga 100%), Baik (80% hingga 89%), Harapan (60% hingga 79%), Memuaskan (40% hingga 59%), Lemah (20% hingga 39%) dan Sangat lemah (0% hingga 19%). Tahap kompetensi ini diukur mengikut Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Tahun 2010 (KPM, 2017). Jadual dibawah menunjukkan keputusan kajian impak yang dilaksanakan.



Merujuk kepada jadual 1.1 adalah perbandingan kompetensi murid yang dilakukan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris. Jadual ini menunjukkan pencapaian dan penguasaan Bahasa Melayu sekolah rendah dan menengah. Dalam aspek pembelajaran, sekolah rendah berada pada tahap Harapan (65.3%), penulisan pula pada tahap yang Lemah (38.4%). Sementara lisan pula berada pada tahap Memuaskan (57.9%).

Jadual 1.1 juga menunjukkan penguasaan Bahasa Melayu bagi sekolah menengah dalam aspek pembelajaran adalah pada tahap Harapan (71.6%). Manakala penulisan pada tahap Harapan (65.8%) dan lisan pula mencatatkan tahap Harapan (68.9%). Hasil dapatan kajian menunjukkan pembelajaran sekolah rendah dan menengah belum mencapai tahap baik dan cemerlang. Hal ini disebabkan kaedah dan corak pembelajaran pelajar sekolah menengah belum mencapai pada tahap yang baik dan cemerlang. Hasil kajian mendapati penyebab murid kurang menyerlah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah disebabkan kurang aktif berinteraksi menggunakan Bahasa Melayu dengan guru dan rakan.





Hasil dapatan menunjukkan murid- murid lemah ini dapat dilihat dari aspek kopentensinya menguasai subjek tersebut. Dalam konteks kajian ini, murid-murid sekolah rendah ini berada dalam tahap harapan bagi kopentensi murid. Oleh itu, penyelidik berharap kajian ini membantu dengan pengubahsuaian atau modifikasi bentuk kad laporan harian dan memo peringatan yang akan dipraktikkan kepada murid lemah khususnya dalam Bahasa Melayu.

Jadual 1.1

Perbandingan Kompetensi Murid



Peringkat	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah	Keseluruhan
Pembelajaran	65.3%	71.6 %	68.4%
Ujian Bertulis	38.4%	56.8%	53.2%
Ujian Lisan	57.9%	68.9%	63.7%
Kopentensi Murid	55.4%	69.8%	63.2%





Kesimpulannya, kajian ini adalah untuk melihat keberkesanan penggunaan kad laporan harian kerja rumah dan memo peringatan sebagai rawatan kepada murid-murid lemah dalam menguasai mata pelajaran Bahasa Melayu khasnya diperingkat sekolah rendah. Murid lemah sekolah rendah ini telah dikenal pasti lemah dalam penguasaan bertulis dalam Bahasa Melayu. Oleh itu, kajian ini diharap dapat membantu murid-murid lemah ini dalam menguasai Bahasa Melayu dengan rawatan yang digunakan.

1.3 Pernyataan Masalah



Setiap murid adalah berbeza dan mempunyai cara belajar yang berbeza juga. Oleh itu, sebagai pendidik perlu peka dan mempunyai pelbagai kaedah untuk menarik minat murid untuk menguasai pelajaran tersebut. Zamri dan Nur Aisyah (2011) berpendapat kebanyakan para pendidik Bahasa Melayu khasnya masih menggunakan kaedah tradisi semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan (pdpc) berlangsung. Perkara ini menyebabkan murid kurang meminati dan seterusnya murid bersikap tidak mengambailendah terhadap pengajaran guru. Corak pengajaran dan pembelajaran juga perlu berubah mengikut peredaran zaman dan masa.





Kerja rumah adalah tugas tambahan yang diberikan oleh guru kepada murid untuk disiapkan di luar waktu persekolahan. Sementara itu, Vatterrott (2011) dan MacGibbon, (2009) berpendapat kerja rumah ini boleh berlaku sama ada semasa waktu pembelajaran atau di luar waktu persekolahan.

Secara amnya, kerja rumah dapat memberikan impak yang positif terhadap tingkah laku dan pencapaian pelajar. Menurut Maziah (2002), amalan guru memberikan terlalu sedikit kerja rumah dan terlalu kerap memberikan kerja rumah adalah kurang baik kerana ianya akan membebankan murid-murid. Maziah (2002), juga berpendapat kerja rumah yang terlalu sukar akan mengakibatkan murid tidak mempunyai motivasi untuk melaksanakannya. Oleh itu, guru perlu mempunyai perancangan dalam pemberian kerja rumah agar murid lebih tertarik untuk menyelesaikan kerja rumah yang diberikan.

Kerja rumah yang diberikan kepada murid-murid adalah untuk menilai kefahaman berkaitan apa yang diajar di dalam kelas. Kerja rumah secara tidak langsung dapat membantu murid untuk memahami apa yang diajar di dalam kelas. Namun guru tetap menghadapi masalah kerana terdapat murid yang tidak menyaipkan kerja rumah yang diberikan. Kesan daripada murid tidak siapkan kerja rumah ini proses pengajaran





dan pemudahcaraan (pdpc) di dalam kelas akan terganggu. Seperti mana kajian yang dijalankan oleh Zalizan dan Khadijah dalam Azman (1994) mendapati 67.2% kanak-kanak sudah dapat membaca tetapi menghadapi masalah tidak faham apa yang dibaca. Oleh itu, ini adalah salah satu penyebab yang menyumbang kepada murid tidak melaksanakan kerja rumah kerana mereka dapat membaca tetapi tidak memahami apa yang perlu dibuat dan memaami arahan secara bertulis.

Berbalik kepada masalah murid lemah ini telah memberikan ilham kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bersama Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah usaha untuk mengatasi masalah kemahiran membaca dan menulis dalam kalangan murid sekolah rendah khususnya. Di antara program yang dirangka adalah Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M), Program Literasi dan Numerasi (LINUS) serta Program Bimbingan Membaca dan Menulis (PROBIM) (KPM,2013). Program di atas dirangka untuk membantu murid-murid yang menghadapi masalah dalam membaca serta menulis dan murid yang tidak kuasai kemahiran inilah dikategorikan murid lemah.





Hal ini dapat disokong oleh kajian tindakan yang dilakukan oleh Fadzilah Ibrahim (2010) terhadap 26 orang murid Sek. Keb. Bukit Mahkota iaitu terdiri daripada murid lemah dan murid sederhana. Hasil dapatan di atas menunjukkan murid-murid ini tidak menyiapkan kerja rumah yang diberikan guru kerana kurang minat terhadap subjek tersebut. Selain itu, sikap malas juga di antara penyumbang murid tidak siapkan kerja rumah.

Kajian ini adalah bertitik tolak untuk cuba merungkai masalah yang dihadapi oleh murid-murid lemah dalam menguasai mata pelajaran Bahasa Melayu khasnya dengan menggunakan kad laporan harian dan memo peringatan sebagai langkah untuk mengatasi masalah murid lemah ini. Selain itu, jaringan penglibatan bersama dengan ibu bapa dalam kajian ini adalah melalui pemantauan semasa murid melaksanakan kerja rumah dan menurunkan tanda tangan setelah selesai kerja rumah. Pengaplikasian memo peringatan juga adalah salah satu cara untuk menghubungkan guru dengan ibu bapa bagi memberikan ingatan kepada ibu bapa berkaitan kerja rumah anak-anak.

Di Malaysia, isu berkaitan murid tidak kuasai literasi dan numerasi telah wujud sejak awal penggubalan sistem pendidikan Malaysia dan menjadi serius sekitar tahun 1960- an (Laporan Keciciran Murid, 1972). Ekoran daripada itu, Analisis Jawatankuasa





Kabinet telah mengusulkan pendidikan rendah supaya menekankan konsep 3M iaitu membaca, menulis dan mengira (KPM, 1979; Zinitulniza, 2011). Namun berdasarkan rekod Kementerian Pelajaran Malaysia, 1979 kemahiran 3M masih belum dapat dikuasai hingga kini.

Bagi Koh Boh Boon, 1981a, 1981b; Hamzah, 1992; Abdull Sukor dan Kalaidevi, 2012, keciciran murid adalah satu fenomena sosial yang memberikan impak tinggi kepada pembangunan modal insan Malaysia. Berdasarkan data atau analisis yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000 melalui Rancangan Malaysia ke-10, 2010 mendapati 5390 orang murid-murid tercicir di sekolah rendah dan kajian juga tunjukkan 3-4% murid tercicir dalam sistem persekolahan. Isu keciciran murid secara tidak langsung yang mengakibatkan wujudnya murid-murid lemah di mana mereka tidak hadir ke sekolah dan telah menyebabkan mereka tidak dapat membaca serta menulis dengan baik seterusnya dikategorikan dalam murid lemah.

Bagi Roselan (2003), berpendapat masalah pencapaian murid yang rendah atau masalah pembelajaran murid biasanya dipengaruhi oleh faktor psikologi, biologi dan persekitaran. Bagi Abdul Rasid dan Zulkafli (2008), masalah yang dihadapi oleh murid adalah kemahiran membaca dan menulis yang menyebabkan murid lemah dan tidak






berminat dalam subjek Bahasa Melayu. Abdul Rashid (2011) berpendapat masalah membaca dalam kalangan murid adalah keliru mengcam huruf besar dan huruf kecil semasa membaca, tidak membunyikan perkataan dengan betul dan tepat, tidak menyebut perkataan yang dieja serta sering meninggalkan perkataan yang tidak ketahui makna atau gagal membunyikannya. Perkara ini telah menimbulkan pola bacaan murid-murid ini adalah merangkak- rangkak dan murid tidak memahami makna bacaan tersebut. Selain itu, murid lemah juga tidak berminat untuk mencari maklumat yang terdapat pada gambar rajah atau bahan rangsangan lain.

Dalam konteks kajian ini, murid lemah adalah murid yang tidak dapat membaca dan menulis dengan baik di mana telah mengakibatkan mereka tidak dapat membuat kerja rumah yang diamanahkan dengan baik. Oleh itu, penyelidik berharap agar kajian ini dapat membantu dalam kalangan guru untuk mencari jalan penyelesaian terbaik untuk mengatasi murid lemah ini dalam menyiapkan kerja rumah yang diberikan dengan penekanan aspek intervensi yang dicadangkan dalam kajian.



1.4 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini dibina untuk melihat tiga aspek utama yang menjadi asas kepada kajian ini iaitu kad laporan harian kerja rumah, memo peringatan dan kad laporan harian kerja rumah serta memo peringatan dalam meningkatkan pelaksanaan kerja rumah yang diberikan kepada murid. Kesemua variabel bebas ini dikaji oleh penyelidik untuk mendapatkan maklumat berkaitan kajian yang dilaksanakan.



Rajah 1.4. Kerangka Konseptual Kajian



1.5 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat kesan penggunaan kad laporan harian kerja rumah dan memo peringatan terhadap murid-murid lemah dalam kerja rumah Bahasa Melayu. Latihan yang diberikan kepada murid sebagai kerja rumah merangkumi soalan berbentuk isi jawapan tempat kosong. Penyelidik memilih soalan berbentuk isi tempat kosong dengan bantuan jawapan adalah bertujuan untuk memberikan galakan secara tidak langsung kepada murid memandangkan sampel kajian adalah murid lemah.



Kajian ini dilaksanakan ke atas murid-murid lemah tahun dua yang menduduki kelas-kelas akhir bagi aliran tahun dua. Kajian ini melibatkan empat kelas akhir dalam aliran tahun dua di mana tiga kelas adalah kelas untuk eksperimen dan satu kelas untuk kelas kawalan. Murid-murid lemah ini sering didedahkan oleh guru dengan persekitaran pembelajaran yang berbentuk didik hibur iaitu untuk menarik minat mereka dalam pembelajaran. Walaupun mereka diberikan kerja rumah sebagai latihan tetapi konsep secara didik hibur turut diterapkan. Didik hibur adalah salah satu cabang daripada aspek seni bahasa iaitu melalui teknik bercerita, nyanyian, lakonan, deklamasi sajak atau berpuisi (Shamsudin dan Abdul Rasid).





Kerja rumah yang diberikan adalah berbentuk soalan isi tempat kosong dengan bantuan jawapan. Guru akan memberikan arahan kepada murid untuk menyiapkan kerja rumah tersebut di rumah dan mengingatkan murid tentang kad laporan harian yang perlu disemak oleh ibu bapa atau penjaga setelah kerja rumah disiapkan. Sementara itu, memo peringatan turut diberikan kepada kumpulan sampel yang terpilih di mana ianya sebagai peringatan kepada ibu bapa atau penjaga murid berkaitan kerja rumah yang dibekalkan guru.

Sehubungan itu, kajian ini adalah untuk melihat keberkesanan kad laporan harian kerja rumah dan memo peringatan dalam pemberian kerja rumah kepada anak-anak. Diharapkan dengan kajian ini dapat membantu murid-murid khususnya dalam meningkatkan prestasi pembelajaran melalui pemberian kerja rumah. Sementara bagi pihak ibu bapa ianya adalah langkah untuk memantau perkembangan anak-anak secara tidak langsung melalui kad laporan harian kerja rumah dan memo peringatan.





1.6 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk melihat keberkesanan penggunaan kad laporan harian kerja rumah dan memo peringatan ke atas kerja rumah murid-murid lemah tahun dua dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Objektif yang dibentuk dalam pelaksanaan kajian ini ialah:-

- i) Mengetahui kesan penggunaan kad laporan harian kerja rumah ke atas kerja rumah Bahasa Melayu bagi empat kumpulan kajian.
- ii) Mengetahui kesan memo peringatan ke atas kerja rumah Bahasa Melayu bagi empat kumpulan kajian.
- iii) Mengetahui perbezaan penggunaan kad laporan harian kerja rumah dan memo peringatan ke atas kerja rumah Bahasa Melayu bagi empat kumpulan kajian.

1.7 Soalan Kajian

Merujuk kepada objektif yang dinyatakan di atas, berikut adalah persoalan kajian yang dibentuk:-





- i) Adakah penggunaan kad laporan harian kerja rumah memberikan kesan ke atas kerja rumah Bahasa Melayu bagi empat kumpulan kajian?
- ii) Adakah memo peringatan memberikan kesan ke atas kerja rumah Bahasa Melayu bagi empat kumpulan kajian?
- iii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penggunaan kad laporan harian kerja rumah dengan memo peringatan ke atas kerja rumah Bahasa Melayu bagi empat kumpulan kajian?

1.8 Kepentingan Kajian



Kerja rumah merupakan suatu tugas luar yang diberikan guru untuk disiapkan oleh murid di luar waktu pdpc. Pemberian kerja rumah adalah bergantung kepada budi bicara seseorang guru kepada murid-muridnya. Kerja rumah yang diberikan adalah sesuatu yang bermanfaat dan ianya perlu dirancang dengan teliti, teratur serta sistematik supaya dapat memenuhi matlamat kurikulum dan memberikan manfaat kepada murid (Wiesenthal, 1995).





Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana kesan penggunaan kad laporan harian kerja rumah, memo peringatan dan penglibatan ibu bapa terhadap kerja rumah murid-murid. Diharapkan kajian ini dapat menjelaskan secara sistematik hubungan di antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar. Selain itu, penyelidik juga berharap kajian ini dapat memberikan manfaat kepada pihak-pihak berikut :-

1.8.1 Guru Bahasa Melayu

Kajian ini diharapkan dapat membantu guru-guru Bahasa Melayu khususnya dalam aspek peningkatan dalam pedagogi bagi memastikan murid memahami apa yang diajarkan guru dan murid dapat mengaplikasikan pembelajaran dalam kelas seterusnya melaksanakan kerja rumah yang diberikan guru. Selain itu, daripada kajian ini juga penyelidik mengharapkan membantu guru dalam pemberian kerja rumah kepada murid dengan menggunakan lembaran kerja atau buku kerja dan dibantu dengan penggunaan kad laporan harian kerja rumah serta memo peringatan sebagai satu cara untuk memantau kerja rumah murid. Pemantauan ini bermaksud, melalui kad laporan harian kerja rumah dan juga memo peringatan dapat membantu guru merujuk sama ada kerja



rumah tersebut telah disemak atau tidak oleh ibu bapa atau penjaga murid-murid. Hal ini kerana setelah semakan oleh ibu bapa atau penjaga, mereka perlu turunkan tanda tangan pada ruangan yang disediakan. Sehubungan itu, guru dapat mengesan sama ada murid membuat kerja rumah atau tidak dan telah disemak oleh ibu bapa atau penjaga mereka.

Kajian ini turut memberikan penekanan kepada penggunaan kad laporan harian kerja rumah dan memo peringatan yang merupakan salah satu aspek penting untuk memastikan murid-murid melaksanakan kerja rumah yang diamanahkan. Penyelidik mengharapkan guru-guru dapat mengaplikasikan penggunaan kad laporan harian dan juga memo peringatan ini terhadap kerja rumah murid seterusnya mampu untuk meningkatkan prestasi murid dalam membuat kerja rumah serta membantu dalam pembelajaran mereka.

1.8.2 Pihak Sekolah

Dapatan kajian ini juga turut memberikan manfaat kepada pihak sekolah secara tidak langsung. Melalui kajian ini diharap dapat membantu pihak sekolah meningkatkan





prestasi akademik murid di akhir tahun persekolahan. Walaupun kajian ini tertumpu kepada murid-murid lemah tahun dua tetapi konsep kerja rumah dan pengaplikasian kad laporan harian kerja rumah mahupun memo peringatan boleh dilaksanakan kepada semua murid dan tidak tertumpu pada murid lemah sahaja. Melalui pengaplikasian kad laporan dan memo peringatan ini diharap membantu murid dalam usaha meningkatkan mutu kerja rumah dari aspek dapat siapkan kerja rumah yang diberikan guru.

Selain itu, dapatan kajian ini juga diharap dapat memberikan gambaran serta panduan kepada pihak sekolah untuk berkolaborasi dengan pihak ibu bapa atau penjaga dalam memastikan proses pembelajaran murid-murid lebih dipantau sama ada di sekolah mahu pun di rumah.



1.8.3 Penyelidik atau pengakaji

Hasil daripada kajian ini diharap dapat membantu para penyelidik untuk membuat kajian lanjutan dalam bidang yang sama dengan penglibatan sampel yang lebih besar dan juga melibatkan pembolehubah lain yang bersesuaian.





1.8.4 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Kajian ini diharap dapat memberikan kesedaran kepada pihak yang terlibat secara langsung dalam bidang perguruan berkaitan kepentingan kerja rumah dalam membantu meningkatkan prestasi murid dalam mata pelajaran yang diajar di sekolah. Pendedahan atau kaedah yang bersesuaian perlu di ketengahkan kepada guru-guru dalam mencapai objektif pembelajaran. Melalui kajian ini diharap menjadikan salah satu kaedah kepada KPM untuk membantu guru dalam perlaksanaan berkaitan kerja rumah.



1.9 Batasan Kajian

Kajian ini secara khasnya adalah tertumpu kepada kesan penggunaan kad laporan harian kerja rumah dan memo peringatan terhadap murid-murid lemah tahun dua yang mengikuti pendidikan formal di sekolah kebangsaan. Semua sekolah kebangsaan mahu pun sekolah jenis kebangsaan diwajibkan untuk mempelajari Bahasa Melayu sebagai salah satu mata pelajaran wajib di sekolah. Merujuk kepada misi Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025 adalah memartabatkan Bahasa Melayu sebagai wadah kelestarian pendidikan berkualiti demi mencapai aprisiasi negara (KPM, 2017).





Kajian ini dilaksanakan ke atas murid-murid lemah tahun dua bagi melihat secara dekat apakah permasalahan yang dihadapi murid dalam menyiapkan kerja rumah yang diberikan guru. Kajian ini dianggap wajar dilaksanakan supaya dapat mengenal pasti aspek serta masalah yang dihadapi oleh murid dalam menyiapkan kerja rumah dan dengan harapan kajian ini dapat merungkai masalah yang dihadapi murid.

Kajian ini tertumpu kepada mata pelajaran Bahasa Melayu untuk tahun dua dan khasnya bagi murid-murid lemah. Umumnya, mata pelajaran Bahasa Melayu menguji murid berkaitan kemahiran mendengar, membaca dan menulis. Bagi kajian ini, penyelidik lebih fokus kepada kemahiran menulis di mana ianya melibatkan pemberian kerja rumah kepada murid.

Terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh penyelidik dalam melaksanakan kajian ini. Antara masalah utama yang dihadapi adalah sampel kajian berada dalam kelas yang berasingan. Hal ini kerana penyelidik tidak mengajar di semua kelas kajian yang terlibat, sebaliknya penyelidik hanya mengajar satu kelas sahaja bagi sampel kajian. Berikutan itu akan menyebabkan maklumat yang sampel kajian terima akan berlaku ketirisan maklumat.





Dalam proses menjalankan kajian ini, penyelidik juga turut menghadapi beberapa batasan kajian lain antaranya seperti : -

- i) Kajian ini adalah kajian pertama bagi penyelidik, oleh itu penyelidik tiada pengalaman dan memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar daripada pengajar.
- ii) Kurang mendapat kerjasama daripada sampel kajian (murid) iaitu murid tidak membuat kerja rumah yang diberikan guru (penyelidik).
- iii) Kesukaran mendapat kerjasama daripada ibu bapa semasa pelaksanaan kajian dijalankan. Penglibatan ibu bapa adalah secara tidak langsung melalui pantauan di rumah iaitu melalui memo peringatan dan ibu bapa turunkan tanda tangan pada helaian lembaran kerja rumah murid.



Bagi mengatasi masalah yang dihadapi di atas, sebagai seorang penyelidik saya telah membuat beberapa tindakan bagi mengatasi masalah tersebut. Antara tindakan yang dibuat oleh penyelidik adalah sering bertanya kepada sampel kajian tentang kerja rumah yang diberikan kerana penyelidik akan memberikan masa kepada sampel kajian untuk menyiapkan kerja rumah. Bagi kelas eksperimen lain yang penyelidik tidak mengajar, penyelidik telah memberikan taklimat dan amanah tersebut kepada guru yang mengajar kelas eksperimen tersebut untuk membantu penyelidik mendapatkan kerja rumah yang diberikan.





1.10 Hipotesis Kajian

Tiga hipotesis nol dibina untuk menjawab soalan kajian yang dibina iaitu :-

Ho	Hipotesis
Ho1	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan ke atas kesan penggunaan kad laporan harian kerja rumah bagi kerja rumah Bahasa Melayu.
Ho2	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan ke atas kesan memo peringatan bagi kerja rumah Bahasa Melayu.
Ho3	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kesan kad laporan harian dan memo peringatan bagi kerja rumah Bahasa Melayu.



1.11 Definisi Operasional

Berikut adalah definisi istilah yang digunakan dalam kajian ini iaitu kad laporan harian, memo peringatan, kerja rumah, penglibatan ibu bapa, murid-murid lemah dan Bahasa Melayu.





1.11.1 Kad Laporan Harian

Kad laporan harian boleh dirujuk dalam beberapa tajuk yang berbeza iaitu nota rumah, kad laporan tingkah laku harian dan nota sekolah (Jurbergs, Palcic & Kelley, 2007, 2010; Kelly dan Carper, 1988). Dalam kajian ini, kad laporan harian adalah catatan murid terhadap kerja rumah yang diberikan guru.

1.11.2 Memo Peringatan

Memo adalah singkatan perkataan “memorandum” bermaksud catatan atau peringatan.

Merujuk kepada Institut Tadbir Awam Negara (INTAN) memo diberikan daripada ketua jabatan yang berperanan seperti surat. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan memo bentuk terbuka iaitu seperti surat dengan tujuan yang telah dinyatakan berkaitan dengan kerja rumah murid.



1.11.3 Kerja Rumah

Bagi Cooper (1989), kerja rumah adalah kerja atau tugas yang diberikan kepada murid oleh guru di sekolah dalam waktu sesi pembelajaran dan perlu disiapkan atau dilaksanakan di rumah atau pada bukan waktu persekolahan. Di dalam kajian ini, kerja rumah diberikan kepada murid selepas guru mengajar dan sebelum sesi pembelajaran berakhir. Murid perlu menyiapkannya di luar waktu persekolahan.

1.11.4 Murid-murid Lemah



Lemah merujuk kepada Kamus Dewan Keempat adalah rendah dari aspek pencapaian. Berdasarkan Kamus Dewan Keempat murid ialah orang atau anak yang sedang belajar atau berguru. Di dalam kajian ini, murid-murid lemah adalah ditafsirkan murid yang punyai tahap penguasaan yang lemah dalam kemahiran membaca dan menulis. Murid lemah juga turut ditafsirkan oleh Abdul Rasid dan Zulkifli (2008) sebagai masalah menguasai kemahiran membaca dan menulis menjadikan murid lemah dan tidak berminat dalam subjek Bahasa Melayu kerana tidak menguasainya.





1.11.5 Bahasa Melayu

Merujuk kepada Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025 (KPM, 2017), Bahasa Melayu dibahagikan kepada lima tahap iaitu Bahasa Melayu Purba, Bahasa Melayu Kuno, Bahasa Melayu Klasik, Bahasa Melayu Peralihan dan Bahasa Melayu Baharu. Dalam konteks kajian ini, Bahasa Melayu Baharu yang diguna pakai dalam melaksanakan kajian. Dasar Pendidikan Kebangsaan juga menetapkan bahawa Bahasa Melayu adalah bahasa pengantar dalam sistem pendidikan kebangsaan (KPM, 2017).



1.12 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, bab ini membincangkan berkaitan dengan pengenalan, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, tujuan kajian, batasan kajian dan definisi operasional. Penyelidik mengharapkan kajian ini dapat memberikan manfaat kepada pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahu pun tidak langsung. Dengan terlaksananya kajian ini diharap mampu untuk mengubah persepsi ibu bapa khasnya berkaitan kerja rumah yang diberikan guru bukan hanya tanggungjawab guru untuk memantau murid. Malah tanggungjawab itu turut perlu dipikul oleh ibu bapa dalam





memastikan murid-murid ini mencapai pencapaian yang membangggakan dalam pembelajaran mereka.

